

GARIS PANDUAN MENJALANKAN AKTIVITI LUAR KAMPUS

1. Aktiviti yang telah diluluskan oleh Unit Aktiviti & Badan Pelajar perlulah melengkapkan **Borang Akuan Diri** yang boleh diperolehi di JHEPA.
2. Badan Pelajar mestilah melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai pengiring:
 - Penglibatan 40 orang pelajar perlu melantik seorang pegawai pengiring.
 - Penglibatan melebihi 40 orang sekurang-kurangnya perlu melantik 2 orang pegawai pengiring.
3. Program-program berbentuk perkhemahan/sukan/rekreasi/perhimpunan mestilah memaklumkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat Polis Daerah dan Balai Polis terdekat di kawasan berkenaan dan menghantar sesalinan surat ke Unit Aktiviti & Badan Pelajar, Pusat Kokurikulum. Pelajar hendaklah mengemukakan butiran berikut :
 - a. Nama
 - b. No. Kad pengenalan
 - c. No id
 - d. Fakulti/kursus
 - e. Alamat rumah dan pengajian
 - f. No. Telefon
 - g. Salinan surat kelulusan menjalankan aktiviti serta tentatif program

Program aktiviti lasak perlu dilindungi dengan pembelian insurans berkelompok. Pembelian ini perlu di masukkan di dalam bajet program.

4. Sila rujuk kepada Pusat Kesihatan sekiranya aktiviti melibatkan perkhemahan di kawasan hutan dan pergunungan melebihi tiga (3) hari untuk mendapatkan khidmat pencegahan penyakit/nasihat/perkhidmatan pegawai perubatan sebelum aktiviti dijalankan.
5. Badan Pelajar boleh memohon perkhidmatan daripada agensi keselamatan luar(kerajaan) atas dasar isu keselamatan. Surat permohonan perlu melalui Unit Aktiviti & Badan Pelajar.
6. Pihak JHEPA **berhak membuat perubahan tarikh, penundaan dan pembatalan** bagi sebarang program yang dijalankan di luar kampus sekiranya keadaan keselamatan diragui.